

Headline	Musang king Malaysia tambat hati warga China		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	10	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 762
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,285



Musang king Malaysia tambat hati warga China

KUALA TERENGGANU – Kualiti raja buah tempatan musang king yang diakui antara terbaik dan bebas daripada racun serangga perosak (pestisid) menambat hati peminat durian di China.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Ishak Ismail berkata, kualiti tinggi yang ada pada durian jenis premium itu menggalakkan lagi permintaan sekali gus mempengaruhi peningkatan jumlah eksport durian dari Malaysia ke China.

“China mendapati durian yang dieksport dari negara jiran mempunyai kandungan pestisid yang tinggi berbanding kualiti buah durian dari Malaysia,” katanya pada sidang media selepas Pelancaran Jualan Durian Day (Jualan Anak-beranak) dan Hari Bertemu Pelanggan Pejabat FAMA Terengganu di sini semalam.